

## **ATURAN PAJAKGADAI (AR-RAHNU) KOPERASI KAKITANGAN UiTM BERHAD**

BAHAWA mengikut kehendak peruntukan Undang-Undang Kecil 9 (i) , Undang-Undang Kecil Koperasi Kakitangan UiTM Berhad, maka dengan ini diperbuat Aturan berikut :

1. **Tajuk**

Aturan ini adalah dinamakan Aturan Pajakgadai (Ar-Rahnu) Koperasi Kakitangan UiTM Berhad.

2. **Tujuan**

Tujuan pajakgadai (Ar-Rahnu) ini ialah untuk memberi perkhidmatan oleh Koperasi Kakitangan UiTM Berhad (yang selepas ini dipanggil Koperasi) bagi faedah anggota-anggotanya yang memerlukan khidmat gadaian yang selari dan sesuai dengan syariat Islam.

3. **Konsep**

Konsep sistem pajakgadai (Ar-Rahnu) ialah seperti berikut:

- (i) Ar-Rahnu ialah satu sistem meminjam wang oleh anggota Koperasi (yang selepas ini dipanggil penggadai) dari Koperasi (yang selepas ini dipanggil pemegang gadai) dan hutang ini dijamin dengan harta yang digadaikan kepada pemegang gadai sebagai cagaran.
- (ii) Sistem yang diamalkan ini berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang dibenarkan oleh syariat Islam.
- (iii) Mengikut sistem ini pengadai tidak dikenakan bayaran faedah atas wang yang dipinjamkan.
- (iv) Bayaran yang berbentuk upah dikenakan atas barang gadaian yang dijaga/ disimpan oleh pemegang gadai.
- (v) Untuk melindungi kepentingan penggadai dan pemegang gadai beberapa peruntukan tertentu telah dimasukkan kedalam Peraturan ini.

4. **Kelayakan menggadai**

Kemudahan menggadai terbuka kepada anggota Koperasi dan bukan anggota.

5. **Barang Gadaian**

Hanya barangan yang diperbuat daripada emas sahaja yang boleh diterima sebagai cagaran gadaian.

6. **Kesahihan hakmilik**

Penggadai adalah bertanggungjawab sepenuhnya tentang kesahihan milik barang yang digadai dan jika ada pihak lain yang menuntut hak milik barang berkenaan, maka pihak pemegang gadai tidak sekali-kali akan dipertanggungjawabkan.

7. **Had pinjaman**

Amaun hutang yang boleh diberi ialah hanya sebanyak tidak lebih daripada 70% daripada nilai (emas) barang yang digadai, tertakluk kepada maksima sebanyak RM7,000.00 sahaja. Walau bagaimanapun pihak pemegang gadai berhak mengurangkan had maksima ini dalam keadaan yang difikirkan munasabah.

## 8. Tempoh gadaian

Tempoh gadaian ialah tiga bulan tetapi penggadai boleh memohon untuk melanjutkan tempoh selama tiga bulan lagi dengan syarat ia membayar semua upah bagi tempoh tiga bulan yang telah luput.

## 9. Upah

Bayaran upah yang dikenakan, diasaskan kepada nilai barang yang digadaikan, adalah seperti berikut :

Perubahan Upah

- (1) Lembaga Pengurusan ar-Rahnu berkuasa dari masa ke masa mengkaji kadar upah dan memohon pindaan kadar upah daripada Lembaga Koperasi.
- (2) Kadar upah baru akan dikenakan kepada pengadai baru sahaja berkuatkuasa serta merta.

Nilai Barang	Upah	Tempoh
RM1.00 - RM500	RM0.50 setiap RM100	Sehari hingga 30 hari
RM501 - RM2,000	RM0.60 setiap RM100	Sehari hingga 15 hari
RM2,001 - RM10,000	RM0.70 setiap RM100	Sehari hingga 15 hari
RM10,001 - RM12,000	RM0.80 setiap RM100	Sehari hingga 15 hari

## 10. Bayaran pentadbiran

Tiap-tiap urusan gadaian akan dikenakan bayaran pentadbiran sebanyak RM1.00

## 11. Peraturan Menggadai

- (i) Tiap-tiap penggadai yang hendak menggadaikan barangnya hendaklah menggunakan borang permohonan gadaian iaitu Borang AR1 dengan mengisikan Bahagian A dengan lengkapnya.
- (ii) Borang yang telah sempurna diisikan hendaklah diserahkan dikaunter gadaian bersama-sama dengan barang gadaian serta kad pengenalan.
- (iii) Barang gadaian yang diserahkan akan dinilai harganya oleh penilai pemegang gadaian.
- (iv) Penggadai berhak mendapat pinjaman hanya sebanyak tidak lebih daripada 50% daripada nilai harga emas yang digadai, tertakluk kepada Aturan 7.
- (v) Dalam menentukan nilai harga barang gadaian batu permata seperti belian, delima, zamrud dan lain-lain logam tidak diambil kira.
- (vi) Nilai harga barang yang dibuat oleh penilai pemegang gadai adalah muktamad.
- (vii) Setelah amaun pinjaman dipersetujui oleh pihak penggadai dan pemegang gadai, dan ijab kabul disempurnakan penggadai akan diberi satu Tiket Gadai seperti Borang AR2
- (viii) Tiket Gadai Hilang

Tiket Gadai hendaklah disimpan untuk tujuan tebus gadai; jika hilang atau terbakar atau rosak yang menyebabkannya tidak boleh dibaca, penggadai

hendaklah melaporkan kepada pemegang gadai. Tiket gantian akan dikeluarkan setelah pengadai mengisi borang pengakuan seperti Borang AR3, dan dikenakan bayaran RM1.00.

12. **Tebus Gadai**

- (i) Penggadai adalah berhak menebus barang gadaianya bila-bila masa sebelum tempoh tiga bulan tamat.
- (ii) Penggadai hendaklah menyerahkan Tiket Gadai di kaunter tebusgadai untuk disemak kesahihannya sebelum barang gadaian ditebus.
- (iii) Borang tebusgadai AR4 hendaklah digunakan untuk menyelesaikan tebusgadai.
- (iv) Mana-mana penggadai yang tidak berupaya untuk hadir sendiri bagi menebusgadai barang gadaianya atas sebab-sebab yang munasabah ia bolehlah melantik seorang wakil dengan menggunakan borang wakillkuasa iaitu Borang AR5.
- (v) Jika penggadai telah meninggal dunia, warisnya bolehlah menebus gadaikan barang yang telah digadai dengan syarat ia mengemukakan Suratkuasa Mentadbir pusaka penggadai berkenaan.

13. **Pelelong**

- (i) Jika penggadai tidak menebus barang gadaianya setelah tempoh tiga bulan tamat atau setelah lanjutan tempoh tiga bulan yang diberi jua tamat, maka pihak pemegang gadai berhak melelong barang gadaian berkenaan.
- (ii) Pelelongan akan dilakukan oleh pelelong yang berlesen mengikut peraturan biasa.
- (iii) Sebelum tindakan melelong diambil penggadai akan diberi notis secara bertulis mengenai tindakan ini untuk diberi peluang menebus barang gadaianya.
- (iv) Jika tidak ada penebusan dilakukan selepas dua minggu dari tarikh notis tersebut di atas, pelelongan akan dijalankan.
- (v) Harga lelongan akan dimulakan dengan amaun yang tidak kurang daripada amaun yang terhutang dicampur dengan kos pelelongan tertakluk kepada amaun yang sama dengan 80% daripada nilai barang gadaian.
- (vi) Wang hasil dari pelelongan akan digunakan untuk membayar amaun yang terhutang, kos pelelongan dan lain-lain kos, jika ada, dan bakinya akan dikembalikan kepada penggadai.
- (vii) Penggadai adalah berhak untuk memeriksa rekod pelelongan dan penyata kewangan berkenaan dengannya.

14. **Tanggungjawab Pemegang Gadai**

Pemegang gadai mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas kerahsiaan urusan niaga dan keselamatan barang gadaian termasuk mengambil perlindungan insuran yang secukupnya semasa barang gadaian itu berada dalam simpanannya.

15. **Lembaga Pengurusan**

- (i) Pengelolaan hal ehwal pajakgadai (Ar-Rahnu) ini akan terserah kepada satu Lembaga Pengurusan yang keanggotaannya hendaklah terdiri dari lima orang seperti berikut :
  - (a) Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Lembaga Koperasi dari kalangan anggota Lembaga Koperasi;
  - (b) Dua orang ahli yang jua dilantik oleh Lembaga Koperasi;
  - (c) Dua orang ahli yang dilantik oleh Lembaga Koperasi terdiri dari kalangan anggota perwakilan.
- (ii) Semua Ahli Lembaga Pengurusan mestilah anggota Koperasi.
- (iii) Setiausaha Lembaga adalah juga setiausaha Koperasi Kakitangan UiTM Berhad.
- (iv) Pegawai atau kakitangan unit pajak gadai (Ar-Rahnu) tidak dibolehkan menjadi ahli Lembaga Pengurusan.
- (v) Lembaga Pengurusan Ar-Rahnu mestilah membuat laporan bulanan kepada Lembaga Koperasi.

16. **Tempoh Memegang Jawatan**

- (i) Tertakluk kepada perenggan (2) Aturan Kecil ini semua ahli Lembaga Pengurusan akan memegang jawatan selama tiga tahun melainkan keahliannya ditamatkan lebih awal oleh pihak yang berkuasa melantiknya.
- (ii) Tanpa meghiraukan 16(1) Pengerusi yang dilantik dibawah aturan 15.1 (a) dan tamat perkhidmatannya jika dia tidak dilantik menjadi Anggota Lembaga Koperasi.
- (iii) Ahli Lembaga yang dilantik dan mengosongkan jawatannya selepas tamat tempoh tiga tahun adalah layak untuk dilantik semula.

17. Lembaga Pengurusan di peruntukan Elaun Pengurusan yang sama nilainya dengan Elaun Anggota Lembaga Koperasi, setiap kali mesyuarat diadakan.

18. **Modal**

- (i) Modal untuk menjalankan perniagaan hendaklah datang dari Koperasi.
- (ii) Sekiranya perlu modal bolehlah disumbangkan oleh anggota Koperasi secara Simpanan Khas mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (iii) Sumbangan modal oleh Koperasi atau simpanan khas yang disumbangkan oleh anggota Koperasi untuk tujuan ini akan dimasukkan ke dalam satu dana khas yang dinamakan Dana Ar-Rahnu.
- (iv) Simpanan khas ini diterima berlandaskan hukum *Al- Mudharabah*.
- (v) Konsep dan operasi *Al-Mudharabah* adalah seperti yang ditetapkan dalam JADUAL kepada Aturan ini.

19. **Akaun**

- (i) Dana Ar-Rahnu akan diuruskan melalui satu akaun bank yang khusus untuk tujuan unit ini ditubuhkan.
- (ii) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Ar-Rahnu hendaklah dibayar dari akaun ini.
- (iii) Akaun bank bagi Dana Ar-Rahnu akan diuruskan oleh orang yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengurusan.

20. **Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan bagi Dana Ar-Rahnu hendaklah mengikut tahun kewangan bagi Koperasi.

21. **Audit**

- (i) Pengauditan akaun tahunan Dana Ar-Rahnu hendaklah dibuat oleh Juruaudit yang dilantik oleh Lembaga Koperasi.
- (ii) Juruaudit Dalam Koperasi adalah juga Juruaudit Dalam Ar-Rahnu.

22. Pengagihan untung kasar yang diperolehi dari perniagaan pajakgadai Ar-Rahnu akan dibahagikan kepada Koperasi atau anggota Koperasi yang membuat simpanan khas sebagai dividen berdasarkan amaun yang disumbangkan sebagai simpanan khas mereka.

23. Aturan ini dibuat hanya untuk tujuan mengendalikan operasi sistem pajakgadai (Ar-Rahnu) dan penggadai yang terdiri dari anggota Koperasi sendiri, adalah yang dianggapkan memahami segala implikasi yang timbul dari perlaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan ini.

24. **Pindaan**

Aturan ini bolehlah dipinda oleh pemegang gadai dari masa ke semasa mengikut keadaan yang difikirkan sesuai.